

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT TAWAR BANTUAN KHAS BANJIR - MORATORIUM PEMBIAYAAN, PENGGANTIAN KAD & PENGECUALIAN CAJ PENGELUARAN ATM

Kuala Lumpur, 13 Ogos 2024: Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini mengumumkan **penawaran bantuan khas banjir yang merangkumi bantuan moratorium untuk semua pembayaran individu dan perniagaan sehingga enam bulan , penggantian kad debit dan kad kredit tanpa sebarang bayaran serta pengecualian caj transaksi pengeluaran RM1 menerusi mesin pengeluaran wang automatik (ATM) kepada pelanggannya yang terjejas ekoran situasi banjir buruk yang melanda beberapa kawasan di negara ini.**

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, pihaknya amat prihatin terhadap kesulitan yang dihadapi pelanggannya termasuk individu serta perniagaan dan berharap bantuan khas banjir ini dapat memberi kelegaan kepada mereka yang terlibat.

“Sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang sentiasa komited dalam mencipta ‘Kehidupan Lebih Baik, Bersama’ pelanggannya, kami bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam menyokong dan membantu komuniti menempuh waktu getir ini.

“Pelanggan yang menghadapi kesulitan kewangan berikutan bencana ini boleh memohon bantuan khas dengan memuat turun borang permohonan “*Service Request Form*” (SRF) yang tersedia di laman sesawang Bank Muamalat di www.muamalat.com.my dan menghantar dokumen sokongan yang berkaitan menerusi emel bantuanbanjir@muamalat.com.my. Langkah proaktif akan diambil bagi memastikan proses dokumentasi dan kelulusan permohonan diper mudahkan,” tambah Khairul.

Bagi pelanggan yang ingin mendapatkan khidmat nasihat, boleh mengunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-2600 5500.

TAMAT





Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Syahida Azureen | syahida.azureen@muamalat.com.my | +6012 242 3696

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Abhi kumpulan
DRB-HICOM